

27/02/1998

Usaha elak saham terlepas ke tangan warga asing

KUALA LUMPUR, Khamis - Langkah membenarkan rakyat tempatan bukan Bumiputera membeli saham syarikat milik Bumiputera mampu mengelakkan saham terbabit terlepas kepada pemilikan rakyat asing.

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Dr Harun Adam, menyambut baik langkah kerajaan itu yang dianggapnya berupaya membantu usahawan Bumiputera yang bermasalah.

"Saya bersetuju dengan cadangan itu sebagai langkah sementara kerana dalam keadaan sekarang ada syarikat Bumiputera memerlukan pelaburan tambahan daripada pelabur lain.

"Daripada saham itu dibeli orang asing, lebih baik ia dibeli rakyat negara ini yang bukan Bumiputera," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan cadangan membenarkan bukan Bumiputera membeli saham syarikat milik Bumiputera adalah untuk tempoh sementara bagi kes tertentu.

Katanya, langkah itu terpaksa diambil bagi membantu syarikat yang menghadapi masalah.

Kelmarin, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), Tun Daim Zainuddin, dilaporkan berkata kerajaan bercadang membenarkan bukan Bumiputera membeli saham syarikat yang dimiliki Bumiputera.

Bagaimanapun, Dr Harun berkata, usahawan Bumiputera yang mempunyai wang perlu diberi keutamaan untuk membeli saham berkenaan.

Mengenai anggota DPMM yang terbabit, beliau berkata, tidak sampai lima peratus daripada seluruh anggota DPMM yang mengalami masalah berkenaan.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Shahrudin Badaruddin, meminta kerajaan mengkaji semula perkara itu.

Katanya, Abim akur dengan kegawatan ekonomi negara tetapi menganggap langkah memberi kebenaran itu "bukan cara yang bijak".

"Adalah lebih baik sekiranya syarikat dan agensi di bawah kerajaan mengambil berat dan membeli saham syarikat Bumiputera daripada ia diberikan kepada bukan Bumiputera atau pelabur asing," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian selimut untuk mangsa gempa bumi Afghanistan di sini, hari ini.

Beliau berkata, Abim juga mahukan penjelasan dan jaminan mengenai 'tempoh sementara' yang diumumkan semalam dan cara pelaksanaannya secara terperinci supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan masyarakat.

(END)